

Soal jawab bersama PM selepas umum Kabinet

Penjelasan Pak Lah

HM 19/03/08

>>Oleh Kamarulzaman Pid
dan Hayati Ibrahim
am@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menegaskan keputusan melantik barisan Kabinet baru adalah keputusannya sendiri tanpa tekanan mana-mana pihak biarpun mengambil masa 10 hari selepas Pilihan Raya Umum ke-12.

Abdullah juga mempertahankan beliau menggunakan hak mutlak sebagai Perdana Menteri dalam membuat keputusan itu.

Sebelum itu, pada jam 10 pagi semalam, Perdana Menteri menghadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin bagi menyembah maklum senarai anggota Jemaah Menteri yang dicadangkan dan baginda berkenan serta merestui nama disenaraikan itu.

Dalam sidang media selama 20 minit di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, tepat jam 12 tengah hari semalam, Abdullah mengumumkan barisan pentadbiran barunya itu yang dikurangkan kepada 68 berbanding 90 sebelum ini dengan pemansuhan 20 jawatan Setiausaha Parlimen.

Pentadbiran baru Abdullah kini dianggotai 31 menteri dan 37 timbalan menteri berbanding 31 menteri, 39 tim-

balan menteri dan 20 setiausaha parlimen pada penggal lalu.

Ikuti wawancara Perdana Menteri dengan wartawan pada sidang media selepas pengumuman barisan Kabinet baru itu:

WARTAWAN: Adakah ada tekanan daripada mana-mana pihak kerana Datuk Seri mengambil tempoh 10 hari untuk membuat keputusan melantik anggota Kabinet baru?

ABDULLAH: Tidak. Saya tidak mempunyai sebarang tekanan. Saya melakukannya sendiri.

WARTAWAN: Kenapa ada menteri yang menang tetapi tidak termasuk dalam senarai anggota Kabinet baru?

ABDULLAH: Saya pertimbangkan juga, lepas itu saya buat keputusan dan tak payahlah saya nak terangkan. Keputusan itu hak mutlak Perdana Menteri.

WARTAWAN: Bagaimana dengan Datuk Seri Rafidah Aziz yang sudah lama berkhidmat dengan kerajaan?

ABDULLAH: Saya tidak bincangkan kenapa. Perkara yang perlu adalah memberi peluang kepada muka baru.

WARTAWAN: Bagaimana dengan khabar angin mengenai rancangan mengadakan undi tidak percaya terhadap Datuk Seri pada Perhimpunan Agung Umno, Jun depan?

ABDULLAH: Dalam pengetahuan saya, saya masih

di sini. Saya diberikan mandat, mandat yang sangat kuat.

Kita hanya kekurangan lapan kerusi untuk menang majoriti dua pertiga dan saya bukan seorang yang mengelak diri daripada mandat yang sudah diberikan kepada saya.

Mereka (pengundi) sudah memberikan undi mereka dan menjadi tanggungjawab saya untuk meneruskannya. Saya juga mempunyai sokongan padu daripada kepimpinan Umno dan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri juga ditanya mengenai senarai kabinet baru yang didakwa bersih daripada rasuah tetapi beliau tetap mengekalkan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, meskipun didakwa pembangkang antara pemimpin yang dikaitkan dengan kes rasuah.

WARTAWAN: Sebelum ini, Datuk Seri menyatakan mahu hentikan anggota Kabinet baru yang bersih, tetapi nama Datuk Seri Najib ada, sedangkan Datuk Seri Najib adalah nama yang paling hebat dikritik pembangkang yang dikaitkan dengan kes rasuah.

ABDULLAH: Tidak ada bukti. Tidak ada apa-apa yang menunjukkan atau membuktikan Najib terbabat dalam apa juga tindakan yang membabitkan rasuah.

WARTAWAN: Tetapi Pena-sihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa ada mengemukakan bukti?

ABDULLAH: Orang nak tuduh, macam-macam boleh tuduh, anda pun tahu, malah beliau (Anwar) tidak terlepas daripada tuduhan. Apa yang penting adalah tidak ada bukti...orang boleh cakap mengenai enam, tujuh, 20 kotak bukti, kenyataannya tiada bukti.

Saya juga sudah pastikan saya mendapat maklumat terkini daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis mengenai semua calon (menteri dan timbalan menteri) yang saya ada.

Selain itu, Abdulah turut ditanya mengenai hubungannya dengan Najib.

WARTAWAN: Bagaimana hubungan Datuk Seri dengan Datuk Seri Najib Razak?

ABDULLAH: Hubungan saya dengan Najib amat baik. Kenapa anda bertanyakan soalan itu. Orang boleh buat macam-macam tuduhan terhadap orang lain mengenai banyak perkara.

WARTAWAN: Tetapi kenapa Datuk Seri Najib tiada di sini?

ABDULLAH: Najib bukan Timbalan Perdana Menteri lagi. Dia hanya akan menjadi Timbalan Perdana Menteri esok (hari ini). Anda terlalu berprasangka.

WARTAWAN: Berapa ramai yang dilantik sebagai Senator dan kenapa?

ABDULLAH: Ada tiga. Sebab mereka bukan Ahli Dewan Rakyat dan tidak mengambil bahagian dalam pilihan raya umum lalu, tapi saya memerlukan mereka untuk berkhidmat dan saya percaya mereka boleh memberi khidmat sebagai mana yang saya harapkan.

Seperti Datuk Dr Mashitah Ibrahim, dia bukan kalah tetapi tidak bertanding dan saya percaya dalam bidang yang ada hubung kait dengan agama dia ada pengetahuan dan kebolehan.

Dia juga kerap mewakili kaum wanita, jadi saya ambil dia sebagai Timbalan Menteri JPM untuk mengambil bahagian dalam isu ini.

WARTAWAN: Bagaimana dengan pelantikan muka baru di Jabatan Perdana Menteri (JPM)?

ABDULLAH: Saya ingin memberi penjelasan lanjut sebab apa mereka dilantik untuk berkhidmat di JPM.

Datuk Mohd Zaid yang akan dilantik sebagai Ahli Dewan Negara petang ini (semalam), beliau akan diberi tugas berhubung kait dengan perundangan dan diberi peranan untuk membantu, membuat cadangan perubahan sistem kehakiman.

Datuk Amirsham A Aziz pula dilantik sebagai Ahli Dewan Negara untuk mengetuai Unit Perancangan Ekonomi (EPU) yang dulunya dipengerusikan Datuk Seri Effendi Norwawi.

WARTAWAN: Bagaimana pula permintaan MIC untuk mendapatkan dua menteri daripada kaum India untuk mendapatkan semula sokongan masyarakat India terhadap Barisan Nasional (BN)?

ABDULLAH: Ya. Kita ada seorang yang akan menjadi Menteri Sumber Manusia. Itu kementerian penting yang diberikan kepadanya.

Saya percaya kementerian itu akan membantu juga untuk memberi perhatian isu pengangguran, latihan dan mewujudkan peluang pekerjaan terutama di kawasan es-tet, ladang getah dan kelapa sawit di mana ramai masyarakat India di situ.

Masalah ini sudah berulang kali dikemukakan di kawasan lain termasuk kawasan kampung baru.

WARTAWAN: Tapi, sebelum ini Datuk Seri ada mengatakan sekurang-kurangnya ada dua menteri da-

ripada parti MIC akan dilantik?

ABDULLAH: Saya dah fikirkan juga, tetapi tak dapat kita pertimbangkan dan saya juga sudah memaklumkan kepada Presidennya. (Datuk Seri S Samy Vellu).

WARTAWAN: Adakah lebih ramai anggota Kabinet dari Sabah dan Sarawak?

ABDULLAH: Ya, memang ada lebih banyak wakil dari Sabah dan Sarawak.

Abdullah yang juga Presiden Umno turut ditanya tindakan Ahli Parlimen Gua Musang yang juga veteran Umno, Tengku Razaleigh Hamzah yang menghantar surat kepada semua Ketua Umno Bahagian meminta mengadakan perhimpunan agung khas bagi membincangkan prestasi Umno dan Barisan Nasional.

WARTAWAN: Adakah Datuk Seri menerima surat untuk mengadakan perhimpunan agung khas?

ABDULLAH: Dia (Tengku Razaleigh Hamzah) sudah menghantar surat menerusi pejabat Setiausaha Agung Umno. Jadi kita akan mengikut prosedur biasa.

WARTAWAN: Datuk Seri, adakah sebarang cadangan untuk menjalankan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Umno bulan depan?

ABDULLAH: Kita tidak ada cadangan untuk mengadakan mesyuarat agung luar biasa.

WARTAWAN: Apakah jangkaan Datuk Seri terhadap barisan Kabinet baru?

ABDULLAH: Prestasinya akan lebih baik daripada pentadbiran sebelumnya. Ini pilihan yang sudah dibuat.

Kami juga berharap kita mampu melaksanakan agenda kita. Penggal ini, kita akan melaksanakan pelbagai dasar dan projek secara besar-besaran.

Saya sudah banyak kali dengar, membaca banyak artikel dan pandangan rakyat yang mengatakan dasar yang dibuat Pak Lah adalah baik, tetapi kurang dari segi pelaksanaannya.

Ya, memang betul kita banyak terbabat dalam pelaksanaan dan perancangan polisi serta projek untuk dilaksanakan selain mengambil banyak masa. Kita banyak menghabiskan masa melakukan ini.

Jadi, sudah menjadi hasrat saya untuk melihat semua projek ini dilaksanakan secara menyeluruh dan memenuhi objektif masing-masing.